

**SMK CONVENT JALAN PEEL**

Jalan Peel, 55100 Kuala Lumpur

Tel: 603-9284 6562

Faks: 603-9287 1064

Email: web0214@moe.edu.my

Laman web: www.smkcjp.edu.my



Ruj. Kami: SMKCJP.600-2/1/16 (21)

Tarikh: 15 Mac 2023

Kepada,
Ibu bapa/ Penjaga,
Puteri-Puteri Tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5
SMK Convent Jalan Peel,
Kuala Lumpur.

Tuan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN WAKTU PERSEKOLAHAN PADA MINGGU PERTAMA (20 MAC 2023 HINGGA 24 MAC 2023) BAGI SESI AKADEMIK 2023/ 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, bahawa sesi persekolahan bagi kalendar akademik 2023/ 2024 akan bermula pada 20 Mac 2023. Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2023 telah menggariskan Pengurusan Minggu Pertama Persekolahan bagi mewujudkan suasana “Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera”, dengan pelaksanaan program/ aktiviti menyeronokkan yang dapat menyokong murid dan guru bersedia sepenuhnya dari aspek sosioemosi dan mental. Sehubungan itu, pihak sekolah telah merancang pelbagai program/ aktiviti dalam pembentukan sahsiah berdasarkan aspek *karamah insaniah*.

3. Berikut merupakan **waktu persekolahan bagi Minggu Pertama (20 Mac 2023 – 24 Mac 2023)**:

MENENGAH ATAS (TINGKATAN 4 DAN 5)

Tingkatan	Hari/Tarikh	Waktu Persekolahan
4 & 5 [Nuri, Rajawali, Kasawari, Sintar, Merak, Cenderawasih]	Isnin (20/3/2023)	7.30 pagi — 2.00 petang
	Selasa, Rabu dan Khamis (21/03/ 2023 hingga 23/3/2023)	7.30 pagi — 2.00 petang
	Jumaat (24/3/2023)	7.30 pagi — 12.00 tengah hari

MENENGAH RENDAH (TINGKATAN 1, 2 DAN 3) TERMASUK KELAS ALIRAN AGAMA

Tingkatan	Hari	Waktu Persekolahan Bersemuka
1, 2 & 3 [Nuri, Rajawali, Kasawari, Sintar, Merak, Cenderawasih dan Walit]	Isnin (20/3/2023)	7.30 pagi — 2.00 petang
	Selasa, Rabu dan Khamis (21/3/2023 hingga 23/3/2023)	7.30 pagi — 2.00 petang
	Jumaat (24/3/2023)	7.30 pagi — 12.00 tengah hari

SMKCJP.600-2/1/16 (21)

4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah memohon kerjasama semua ibu bapa/ penjaga untuk memastikan **kehadiran anak-anak ke sekolah serta menguruskan pengangkutan pergi dan balik dari sekolah.**

5. Pihak sekolah sentiasa mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan murid sepanjang mereka berada di sekolah serta telah mengambil pelbagai langkah keselamatan dan telah membuat persediaan rapi berkaitan pembukaan sekolah bagi sesi akademik 2023/ 2024.


Kerjasama dan keprihatinan tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MASTURA BINTI MUHAMAD)

Pengetua

SMK Convent Jalan Peel

Kuala Lumpur